

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	2 NOVEMBER 2016

14 MoU RM143.64b dimeterai

BH
- 2/11/2016

→ Najib anggap pelaburan antara dua negara pencapaian bersejarah

**Shariffudin
Mohamed**

► Beijing



Sebanyak 14 memorandum persefahaman (MoU) dengan jangkaan keseluruhan nilai pelaburan kira-kira RM143.64 bilion dimeterai di antara syarikat Malaysia dan China yang disifatkan Datuk Seri Najib Razak sebagai pencapaian bersejarah.

"Jumlah pelaburan terbesar yang pernah dilakukan negara dan pencapaian bersejarah," kata Perdana Menteri kepada wakil media Malaysia di sini, semalam.

Terdahulu, beliau mengadakan mesyuarat dua hala dengan rakan sejawatnya dari China, Li Keqiang di Great Hall of the People dan menghadiri upacara pemeriksaan barisan kehormat Angkatan Ten-

tera China.

Najib yang dalam rangka lawatan rasmi seminggu ke China, berkata lawatan berkenaan bukan sahaja mendapat hasil sangat membezakan, malah membawa hubungan dua hala di antara kedua-dua negara ke tahap lebih tinggi.

Beli empat kapal tempur

Perdana Menteri berkata, lawatan itu juga mencatat satu lagi sejarah dengan pembelian empat kapal tempur pesisiran pantai oleh Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM), masing-masing dua kapal dibina di China, manakala dua lagi akan dibina di Malaysia, kali pertama Malaysia membeli peralatan tentera dari China.

Katanya, pembinaan kapal itu yang membabitkan syarikat dari China dan Malaysia akan siap dalam tempoh dua tahun.

Selain itu, Najib berkata, beliau juga memaklumkan kampus Universiti Xiamen di Malaysia yang



Najib diiringi Perdana Menteri China, Li Keqiang memeriksa barisan kehormat di Beijing, semalam. [FOTO EPA]



Ini bererti bahawa buat kali pertama sebuah universiti awam China dibenarkan dibuka kampus cawangannya di luar negara dan Malaysia dipilih sebagai tuan rumah. Ini satu perkembangan bersejarah"

Najib Razak,
Perdana Menteri

menjadi universiti pertama China dibina di luar negara itu akan siap pada suku pertama tahun depan dengan kemampuan memuatkan 5,000 pelajar.

"Ini bererti bahawa buat kali pertama sebuah universiti awam China dibenarkan dibuka kampus cawangannya di luar negara dan Malaysia dipilih sebagai tuan rumah. Ini satu perkembangan bersejarah," katanya.

Serah surat kelulusan

Dalam pertemuan dengan pemimpin China itu juga, Perdana Menteri turut membangkitkan beberapa perkara, termasuk kelulusan penubuhan cawangan China Construction Bank di Malaysia.

"Ini janji kita ketika dalam lawatan sebelum ini. Saya sudah serahkan surat kelulusan atas nama Menteri Kewangan kepada bank berkenaan," katanya.

Beliau berkata, Perdana Menteri China juga dimaklumkan bahawa kontrak membina landasan

berkembar dari Gemas ke Johor Bahru bernilai RM8.9 bilion diberikan kepada syarikat China dengan surat tawaran sudah dikeluarkan.

"Lawatan ini juga membabitkan kepentingan petani dan pekebun kecil, maknanya bukan sahaja untuk golongan perniagaan besar. Dua perkara dicadangkan iaitu Kerajaan China membeli lebih banyak minyak sawit kita bagi memberi faedah kepada kira-kira 500,000 pekebun kecil di Malaysia," katanya.

Yang kedua, katanya, berkaitan industri sarang burung dieksport ke China yang memberi kelulusan mengeksport sarang burung yang bersih, namun belum meluluskan sarang burung mentah dan belum dibersihkan.

"Protokol telah ditandatangani pada lawatan ini. Saya menyarankan kepada Li bahawa proses untuk menterjemahkan protokol itu dipercepatkan demi kepentingan 10,000 petani kecil kita," katanya.